



MOSTI sasar 5,000 peluang pekerjaan tahun hadapan

Mohd Amin Jalil - September 25, 2021 @ 12:52pm
bhnews@bh.com.my



SEREMBAN: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menasaskan 5,000 peluang pekerjaan menerusi pelbagai program dan inisiatif yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata seramai 4,145 individu dalam bidang 'deeptech' (deep technology) dan berkaitan, telah mendapat pekerjaan melalui inisiatif itu bermula awal Januari hingga 31 Ogos lalu.

"Sasaran sebanyak 4,700 peluang pekerjaan menerusi inisiatif berkenaan dijangka dapat dicapai sebelum akhir tahun ini dan kita jangkakan lebih 5,000 peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan tahun depan.

"Kita menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkenaan pelaksanaan Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional.

"Ia dapat memperkasa tenaga kerja Malaysia supaya lebih berdaya tahan, berkemahiran tinggi dan tersohor di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas selesai melawat Ruang Reka Komuniti dan Platform Hub Ekonomi Inovasi Sosial Negara di Taman Rasa Sayang, Paroi, di sini, hari ini.

Dr Adham berkata, sebagai ahli tetap Majlis Pekerjaan Negara (NEC), MOSTI memberi tumpuan kepada kluster 'Deeptech' and 'Future Skills' atau skil asas yang memainkan peranan penting untuk memacu pertumbuhan sektor baharu dan moden.

Beliau berkata, melaluinya dapat mempercepat lagi penerapan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), automasi dan dron.

"Usaha ini akan menambah peluang pekerjaan dan menjana pendapatan demi meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Mengulas mengenai Program Ruang Reka, beliau berkata ia bertujuan menggalakkan lebih ramai kalangan B40 dan M40 terutama mereka yang terkesan akibat dari pandemik COVID-19 untuk menceburi bidang keusahawanan berlandaskan sains, teknologi dan inovasi.

Menurutnya, kementerian itu sentiasa komited dalam menyediakan platform inovasi sosial di peringkat akar umbi yang dapat memacu etno-teknologi masyarakat tempatan yang berpotensi dikomersialkan.

Katanya, ia bagi menjana kekayaan baharu serta pembangunan sosioekonomi yang lebih terangkum.

"Program Ruang Reka dikendalikan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) agensi di bawah MOSTI dengan aspirasi menyemai dan membudayakan inovasi.

"YIM menggerakkan pelbagai inisiatif ke seluruh negara untuk meningkatkan taraf hidup serta pendapatan komuniti setempat melalui aktiviti pengkomersialan," katanya.

Beliau berkata, setakat ini YIM membangunkan dua projek rintis Ruang Reka termasuk Ruang Reka Taman Rasa Sayang dan Ruang Reka di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran di Kuala Terengganu.



Datuk Seri Dr Adham Baba.